

### 3. PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEMESTER 1

- 3.1 Hafazan al-Quran
- 3.2 Kemahiran Asas Tingkatan Satu (KAT 1)
- 3.3 ECS - English Communication skills
- 3.4 KAM - Kemahiran Asas Matematik
- 3.5 KMM - Kemahiran Mind Map
- 3.6 PMI - Kemahiran Berfikir
- 3.7 KAS - Kemahiran Asas Sains
- 3.8 KAI - Kemahiran Amal Islami
- 3.9 KBA - Kemahiran Bahasa Arab
- 3.10 KSP - Kemahiran Speed Reading
- 3.11 KPS - Kemahiran Public Speaking.

### 4. PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEMESTER 2

- 4.1 Hafazan al-Quran
- 4.2 Subjek Akademik
- 4.3 Ko-Kurikulum

### 5. PENAWARAN SUBJEK PEND. ISLAM DAN BAHASA ARAB.

Selain daripada subjek-subjek asas seperti di lain-lain MRSM, SPMRSM Ulul Albab menawarkan subjek-subjek tambahan seperti berikut:

- 5.1 Menengah Rendah (PT3)
  - 5.1.1 Pendidikan Islam
  - 5.1.2 Bahasa Arab
- 5.2 Menengah Atas
  - 5.2.1 Al-Quran Dan al-Sunnah
  - 5.2.2 Syariah Islamiah
  - 5.2.3 Bahasa Arab

### 6. JADUAL KEHIDUPAN HARIAN PELAJAR

NO	MASA	AKTIVITI
1	5.00	Bangun Tidur
2	5.15 - 6.00	solat hajat / tahdhiri / solat subuh / wirid
3	6.00 - 6.45	Kelas Tahdhiri di surau
4	7.00 - 7.20	Sarapan pagi di Dewan Selera
5	7.20 - 7.40	Roll Call
6	7.40 - 9.00	Kelas Tasmi' & KMS
7	9.00 - 12.50	Kelas Harian
8	12.50 - 2.00	Makan Tengahari / Solat Zuhur / Qailulah di Surau
9	2.00 - 2.40	Kelas Murajaah
10	2.40 - 3.40	Kelas Harian
11	3.40 - 4.40	Kelab , Persatuan , Badan beruniform Perhimpunan / Homeroom pada hari Ahad awal bulan
12	4.40 - 5.00	Solat Asar berjemaah
13	5.00 - 5.30	Murajaah
14	5.30 - 6.30	Riadhah
15	6.30 - 7.30	Makan Malam , Solat Maghrib berjemaah
16	7.30 - 9.00	Talaqqi Jamaie / Kelas Hafazan berjemaah di surau / Solat Isya' berjemaah

NO	MASA	AKTIVITI
17	9.00 - 10.30	Kelas Persediaan
18	10.30 - 10.45	Minum Malam
19	11.30	"Light off"

### 7. KAEDAH PENILAIAN

Untuk menentukan tahap pencapaian pelajar, pelajar akan dinilai hafazan mereka secara tahriri (bertulis) dan syafawi (lisan). Wajaran markah adalah seperti berikut:

- 15.1 Tahriri : 30 peratus
- 15.2 Syafawi : 70 peratus

### 8. PENGAMBILAN PELAJAR.

Syarat kemasukan ke MRSM Ulul Albab mesti mendapat 6A dalam UPSR Penilaian dan pemilihan calon akan dibuat melalui temuduga. Perkara yang akan diuji semasa temuduga adalah seperti berikut:

- 8.1 Kebolehan membaca al-Quran
- 8.2 Keupayaan menghafaz al-Quran
- 8.3 Kemahiran jawi
- 8.4 Keupayaan berkomunikasi ( Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris)
- 8.5 Ujian Sikap, Sains dan Metematik

### PENUTUP / HARAPAN

Semoga usaha untuk melahirkan modal insan yang seimbang dan cendekiawan Islam yang berilmu tinggi daripada Program Ulul Albab ini akan mendapat limpahan rahmat dan pertolongan daripada Allah S.W.T serta sokongan dan kerjasama yang mantap dari semua pihak sama ada pengurusan, pentadbiran maupun ibubapa bagi memartabatkan bangsa, agama dan negara.

### GLOSARI

- 1. Murajaah Mengulang
- 2. Mushaf al-Quran
- 3. Muqarrar Sukatan pelajaran
- 4. Talaqqi wal musyafahah Pelajar membaca dihadapan guru
- 5. Tasmi' Memperdengarkan bacaan
- 6. Tahriri Bertulis
- 7. Syafawi lisan

# MRSM PROGRAM SPMRSM ULUL ALBAB

“ULUL ALBAB TERAS  
KETAMADUNAN UMMAH”



## SISTEM PENDIDIKAN MRSM (SPMRSM) ULUL ALBAB

### PENDAHULUAN

Kemajuan sesebuah negara pada era ini banyak bergantung kepada kemajuan pemikiran serta keupayaan modal insan yang mampu dijana oleh sistem pendidikannya. Apatah lagi bagi sebuah negara seperti Malaysia yang ingin memacu ekonomi berasaskan pengetahuan, sudah pasti memerlukan modal insan kelas pertama. Oleh yang demikian, sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab memartabatkan Bumiputera, Majlis Amanah Rakyat (MARA) perlu memajukan terus sistem pendidikan yang sedia ada supaya ia selari dengan perubahan dan keperluan semasa. Program SPMRSM Ulul Albab merupakan penyumbang kepada anjakan paradigma sistem pendidikan MRSM. Pada masa kini, generasi muda yang bakal mewarisi kepemimpinan negara perlu diperlengkapkan dengan pelbagai ilmu agar cabaran globalisasi dapat ditempuhi seterusnya mampu mengangkat nama negara di persada dunia dan memartabatkan bangsa Melayu.

Program SPMRSM Ulul Albab merupakan program pendidikan integrasi antara program pendidikan sedia ada (Sains Tulen) dengan program aliran agama termasuk Tahfiz al-Quran. Program SPMRSM Ulul Albab ini bermatlamatkan untuk melahirkan ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang bukan sahaja berilmu pengetahuan tetapi mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah sebagai generasi Ulul Albab.

Program ini adalah hasil cetusan idea Pengerusi MARA sendiri iaitu Y.B. Dato' Seri Idris bin Jusoh dalam usaha untuk mentransformasi sistem pendidikan khususnya MARA. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2009 MRSM Kota Putra telah dipilih sebagai SPMRSM Ulul Albab yang pertama, diikuti MRSM Gemenech pada tahun 2010, MRSM Kepala Batas pada tahun 2011, MRSM Sungai Besar pada tahun 2016 dan MRSM Tun Mustapha yang akan memulakan program Ulul Albab pada tahun 2018.

### DEFINISI ULUL ALBAB

Satu golongan yang mempunyai asas yang kukuh tentang Al Quran, Ilmu pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati kejadian Allah melalui mata hati dan akal yang tajam serta mengambil iktibar darinya.

Pernyataan "Ulul Albab" disebut oleh Allah SWT dalam al-Quran al-Karim sebanyak 16 kali.

### OBJEKTIF

Melahirkan generasi al Quran yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Melahirkan pelajar yang berlatarbelakangkan Sains dan Tahfiz al-Quran yang dapat memenuhi syarat untuk mengikuti pengajian dalam bidang profesional dan teknikal di mana-mana universiti yang tersohor diseluruh dunia seperti universiti al-Azhar, Mesir dan seumpama dengannya.

Melahirkan pelajar yang dapat menghafaz al-Quran 30 Juzuk dalam tempoh 3 tahun pengajian di MRSM dan membina budaya Saintifik Al-Quran dengan pendekatan ICT sebagai pengupaya.

Melahirkan generasi al-Quran yang menguasai pelbagai bahasa utama dunia seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Jepun dan Bahasa Mandarin.

### VISI

Melahirkan generasi ulul-albab yang memahami sains, falsafah dan teknologi bercirikan quranik, ensiklopedik dan ijthadik yang berteraskan al-quran bagi menghadapi cabaran globalisasi dan mencapai kegemilangan ketamaddunan ummah.

### MISI

Mentarbiah pelajar untuk melahirkan modal insan yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara melalui pembudayaan al-quran.

### KURIKULUM PROGRAM SPMRSM ULUL ALBAB

Program SPMRSM Ulul Albab mengekalkan kurikulum sedia ada yang dilaksanakan di semua MRSM seluruh Malaysia dengan tambahan program hafazan al-Quran. Di peringkat PMR pelajar akan mengambil sembilan subjek termasuk subjek Bahasa Arab manakala di peringkat SPM pula pelajar akan mengambil subjek Bahasa Arab, al-Quran Wa al-Sunnah dan Syariah Islamiah.

### CIRI-CIRI ULUL ALBAB

Pelajar keluaran SPMRSM Ulul Albab akan mempunyai tiga ciri utama iaitu:

#### QURANIK

Menghafaz 30 juzuk Al Quran dalam masa tiga tahun serta memahaminya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS)

#### ENSIKLOPEDIK

Berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, menjadi sumber rujukan serta menguasai pelbagai bidang ilmu dan bahasa asing. Matlamat ini dapat dicapai melalui program seperti berikut:

- i. Mengadakan kelas Bahasa Jepun, Bahasa Arab dan Bahasa Mandarin.
- ii. Menyediakan kemudahan ICT yang lengkap dan terkini.
- iii. Memberikan kemahiran-kemahiran asas seperti Kemahiran Asas Tingkatan 1 (KAT 1), Kemahiran Amalan Belajar (KAB) dan Kursus Kemahiran Berfikir (KKB).


#### IJTHADIK

Berkeupayaan memberikan pandangan dalam penyelesaian permasalahan ummah, memaksimumkan keupayaan berfikir, berfikiran kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi. Hasrat ini dapat dicapai melalui aktiviti-aktiviti berikut:

- i. Mewujudkan kelab-kelab berteknologi tinggi seperti avionik, robotik dan solar.
- ii. Aktiviti kokurikulum bagi memantapkan sahsiah, perkembangan minda dan fizikal para pelajar.
- iii. Aktiviti keusahawanan bagi melahirkan pelajar yang mampu menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

### MODEL SPMRSM ULUL ALBAB

Model Program SPMRSM Ulul Albab yang dilaksanakan dapat digambarkan seperti rajah 1 :



Rajah 1 : Model SPMRSM Ulul Albab

### 1. PELAKSANAAN ULUL ALBAB

- 1.1 Muqarrar Tahfiz (Silibus)
  - 1.1.1 Tingkatan Satu.
    - Semester satu.
    - Empat surah pilihan dan lima juzuk (Surah al-Sajadah, Yaasin, al-Dukhan, al-Mulk dan juzuk satu hingga juzuk lima).
    - Semester dua.
    - Enam juzuk (juzuk enam hingga juzuk sebelas)
  - 1.1.2 Tingkatan dua
    - Semester satu
    - Enam Juzuk (juzuk dua belas hingga juzuk tujuh belas)
    - Semester dua.
    - Enam juzuk (juzuk lapan belas hingga juzuk dua puluh tiga)
  - 1.1.3 Tingkatan Tiga
    - Semester satu
    - Enam Juzuk (juzuk dua puluh empat hingga dua puluh Sembilan)
    - Semester dua
    - Satu juzuk (juzuk tiga puluh)

### 2. WAKTU HAFAZAN.

- 2.1 Kelas Informal
  - 2.1.1 Talaqqi Wal Musyafahah
    - Bermula setengah jam sebelum subuh dan disambung selepas solat subuh sehingga pukul 6.45 pagi
    - Bermula selepas maghrib sehingga pukul 9.00 malam
- 10.2 Kelas Formal
  - 10.2.1 Tasmik dan Murajaah
    - 7.40 pagi sehingga 9.00 pagi ( Tasmii')
    - 2.00 petang sehingga 2.40 petang ( Murajaah)